

DBKL pantau jurugambar haram berkeliaran di KLCC

Rondaan berkala pastikan tiada aktiviti cemar imej menara ikonik negara

Oleh Muhammad Asyraff
Hafizi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil perhatian serius aduan awam mengenai kehadiran individu mencari pelanggan untuk sesi fotografi komersial tanpa kebenaran sekitar KLCC sehingga mengganggu pengunjung dan menimbulkan isu keselamatan.

DBKL menegaskan sebarang kegiatan fotografi komersial di



kawasan berkenaan tidak dibenarkan, kecuali selepas mendapat kelulusan pihak pengurusan KLCC, selaku pemilik dan pentadbir tempat itu.

DBKL turut menjelaskan, pihaknya tidak mengeluarkan lesen untuk fotografi komersial di kawasan terbabit kerana itu bidang kuasa persendirian.

“DBKL mengambil maklum

aduan orang awam berhubung isu aktiviti fotografi komersial tanpa kebenaran itu dan memandang serius perkara berkenaan kerana imej kawasan ikonik negara serta keselamatan awam,” katanya kepada BH.

Menurut DBKL, pihaknya bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan pihak pengurusan KLCC sudah melaksanakan be-

berapa tindakan penguatkuasaan.

Pelihara keamanan awam

Katanya, ini termasuk pengisiran individu terbabit dan menyerahkan mereka kepada pihak berkuasa untuk tindakan lanjut.

Selain itu, pelaksanaan rondaan berkala dan penempatan statik anggota penguat kuasa bagi memastikan ketenteraman awam terpelihara.

DBKL menegaskan komitmen untuk terus bekerjasama secara strategik bersama PDRM dan pengurusan KLCC menerusi pendekatan keselamatan bersepadu dalam menangani isu berkaitan.

Katanya, orang awam juga disarankan tidak menggunakan khidmat fotografi komersial tanpa kebenaran di kawasan KLCC dan segera melaporkan kepada pihak berkuasa jika terdapat kegiatan mencurigakan di tempat berkenaan.